



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

MOSTI DAN MAFI BERKOLABORASI DALAM VARIETI BENIH PADI IS21 DEMI MENINGKATKAN HASIL TANAMAN NEGARA

KELANTAN, 24 Julai 2022 – Sektor pertanian merupakan sektor ketiga yang terpenting dalam menyumbang kepada pendapatan negara. Penekanan terhadap sektor pertanian ini telah membolehkan negara mengurangkan kebergantungan terhadap import makanan daripada luar negara. Hal ini jelas bahawa sektor pertanian telah menyumbang sebanyak RM 20.2 Bilion atau 4% daripada pendapatan negara kasar (PNK) Malaysia. Bagi mencapai sasaran ini Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menerusi Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) hari ini telah menyumbangkan benih padi baharu IS21 kepada pesawah-pesawah Pertubuhan Peladang Kawasan Machang sebagai salah satu platform tanggungjawab sosial korporat untuk rakyat di Negeri Kelantan.

Majlis Gimik Penyerahan Benih Padi IS21 tersebut telah disempurnakan oleh YBrs. Dr Nagulendran A/L Kangayatkarusu, Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan & Pembudayaan Sains), MOSTI ini bertujuan untuk membantu dan memberi sumbangan kepakaran daripada hasil penyelidikan yang dihasilkan oleh para penyelidik Nuklear Malaysia demi manfaat dan kegunaan rakyat. Melalui sumbangan ini, diharapkan dapat memberi sinar dan semangat kepada para petani, sekali gus berupaya menjalin hubungan berterusan antara Nuklear Malaysia dengan pelbagai pihak yang berkaitan. Gimik penyerahan majlis ini dilaksanakan dengan kerjasama Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri Kelantan. Majlis ini merupakan salah satu program luar sempena Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia Peringkat Negeri Kelantan yang berlangsung pada 22 hingga 24 Julai 2022 di Perkarangan Stadium Sultan Muhammad IV, Kota Bharu, Kelantan.

Padi IS21 adalah varieti padi baharu yang diadaptasi kepada perubahan cuaca yang dihasilkan daripada kajian biak baka mutasi aruhan sinaran gamma oleh Agensi Nuklear

Malaysia. Padi ini telah didaftarkan dengan Jabatan Pertanian Malaysia di bawah New Plant Varieties Act 2004 dengan nombor pendaftaran PBR 0156 pada 20 Mei 2020. Varieti yang asalnya dikenali sebagai NMR 152 ini telah diberi nama komersial sebagai IS21 yang telah dilancarkan secara rasminya oleh YAB Perdana Menteri pada 20 November 2021 di Sekinchan, Selangor. Benih padi IS21 ini telah diperakukan oleh pihak MAFI sebagai varieti sah negara pada 29 Januari 2021 dan boleh dibeli oleh petani pada harga subsidi RM 35 satu bag/20kg.

Padi Benih IS21 ini mempunyai daya tahan tinggi terhadap cuaca ekstrem dan mempunyai daya rintang terhadap beberapa penyakit padi yang sering merugikan para pesawah. Dari segi penghasilannya pula, potensi pengeluaran baka padi IS21 ini boleh mencecah sehingga sepuluh (10) tan sehektar mengikut Kawasan penanaman jika diurus dengan baik mengikut garis panduan yang ditetapkan. Di bawah program Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM), sebanyak 2000 metrik tan benih padi IS21 dan sebanyak 7200 orang pesawah telah menerima manfaat menerusi pengagihan tersebut di Semenanjung Malaysia.

#TAMAT#

Dikeluarkan Oleh:

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

Pertanyaan lanjut:

Pn. Norliza Abdul Mihat (012-2351824) Ketua
Unit Komunikasi Korporat
norliza_a@nuclearmalaysia.gov.my